

10 AUG 1996  
Tajuddin  
KP SIRIM AKAN TERAJUI TENAGA NASIONAL

BANGI, 10 Ogos (Bernama) -- Ketua Pengarah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali yang dilantik sebagai ketua eksekutif Tenaga Nasional Berhad malam ini berkata beliau telah diberitahu mengenai pelantikan itu pada hari Isnin.

Beliau berkata beliau telah menerima panggilan telefon daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 petang memaklumkan bahawa pelantikan itu berkuatkuasa pada 1 September.

Ahmad Tajuddin akan menggantikan Tan Sri Ani Arope sebagai pengerusi eksekutif Tenaga Nasional.

"Saya akan membuat persiapan dari segi mental untuk mengetuai Tenaga Nasional tetapi sekarang ini saya terlalu sibuk dengan pengkorporatan Sirim," katanya.

"Ini akan menjadi keutamaan saya bagi dua minggu akan datang," tambahnya.

Beliau berkata beliau belum lagi mengkaji operasi Tenaga Nasional tetapi akan memberi perhatian kepada teguran-teguran Perdana Menteri mengenai kelemahan agensi pembekal tenaga itu.

Ahmad Tajuddin berkata tugas pertama beliau ialah untuk menaikkan imej dan semangat Tenaga Nasional kerana beliau yakin syarikat pembekal tenaga itu mempunyai potensi.

Apabila ditanya sama ada beliau akan memberi jaminan gangguan bekalan elektrik tidak akan berlaku, Ahmad Tajuddin berkata "sebagai seorang jurutera, saya tidak dapat memberi jaminan 100 peratus tetapi saya akan cuba sebaik mungkin."

Bagaimanapun beliau bersedia untuk mengatasi kelemahan yang ada.

Mengenai gesaan supaya diadakan grid kebangsaan yang kedua, beliau berkata "ia terlalu awal untuk menyatakan sesuatu kerana saya terpaksa mengkaji semua perkara...dan saya percaya Tenaga Nasional mempunyai ramai jurutera dan kakitangan yang bagus".

Ahmad Tajuddin berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberikan kepercayaan kepadanya dan berharap semua pihak terutama kakitangan Tenaga Nasional, pemegang saham, sektor swasta dan orang ramai akan memberikan kerjasama.-- BERNAMA

WE OBA